

28/06/2000

Perlis mungkin saman Petronas

KANGAR, Selasa - Kerajaan Perlis mungkin mengambil tindakan undang-undang terhadap Petronas dalam usaha mendapatkan royalti minyak bagi semua negeri di Semenanjung.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mendakwa Petronas seperti mengabaikan hak yang sepatutnya dinikmati seluruh rakyat negara ini sejak sekian lama.

Beliau berkata, sekiranya Terengganu dibayar royalti itu walaupun negeri terbabit tidak mempunyai hak ke atas petroleum yang diperoleh dari kawasan melebihi tiga batu nautika, negeri lain juga perlu diberi keistimewaan sama.

"Saya memperjuangkan perkara ini sejak 1986 dan pernah mengemukakannya kepada Majlis Kewangan Negara dan Mesyuarat Menteri-Menteri Besar untuk kepentingan semua negeri termasuk Kelantan.

"Kita tidak cemburu Terengganu diberi royalti petroleum tetapi negeri lain juga memerlukannya untuk tujuan pembangunan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyaksikan perjanjian persefahaman (MoU) antara Yayasan Islam Perlis dan Permata Senja Sdn Bhd bagi melaksanakan Projek Perumahan Pauh II, di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kerajaan Pusat akan mengkaji sama ada peruntukan undang-undang memberi hak kepada Terengganu mendapat royalti minyak.

Beliau mengulas laporan akhbar bahawa Kerajaan Terengganu pimpinan Pas akan menerima penambahan royalti minyak sebanyak 75 peratus pada akhir tahun ini berbanding apa yang disalurkan ketika negeri itu ditadbir oleh Barisan Nasional (BN).

Kenaikan daripada RM426 juta kepada RM810 juta itu dikatakan berikutan peningkatan harga minyak di pasaran antarabangsa yang kini berada pada tahap antara AS\$30 dan AS\$32 setong.

Malah, Shahidan berkata, beliau sedia menanggung risiko berikutan cadangan mengambil tindakan terhadap syarikat minyak kebangsaan itu demi kepentingan seluruh rakyat.

(END)